

**Tiupan 'Trumpet' Meriahkan Sambutan Ulang Tahun Ke-66 Umno Di Bukit Jalil
Bernama
11 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Suasana Stadium Nasional Bukit Jalil di sini, yang padat dengan puluhan ribu anggota Umno dari seluruh negara sempena sambutan ulang tahun ke-66 parti itu, dimeriahkan lagi dengan tiupan trumpet.

Trumpet pelbagai warna itu yang berharga RM5 setiap satu adalah antara tarikan pada sambutan itu, yang dibanjiri 'gelombang merah'.

Indhar Shahrir, 36, dari Johor berkata kira-kira 1,000 trumpet plastik itu sudah dijual sejak 1 tengah hari.

"Sempena hari istimewa ini, saya ambil kesempatan menjual trumpet sebagai cara memeriahkan dan menyemarakkan lagi sambutan ini," katanya kepada Bernama.

Beliau menjangkakan jualan trumpet buatan China itu akan mencecah 10,000 unit sepanjang tiga hari sambutan ulang tahun Umno itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665540>